

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah punca dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) masih belum diumumkan sehingga sekarang; dan
- (b) adakah benar Syarikat Boustead milik LTAT akan menjual BHP Petrol kepada ahli perniagaan swasta.

**JAWAPAN**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk melanjutkan tempoh menyerahkan akaun 2018 kepada Jabatan Audit Negara (JAN) sehingga 30 September 2019. Lanjutan masa ini diperlukan kerana penyediaan Akaun Kumpulan LTAT tertangguh apabila JAN meminta PERHEBAT dan PERNAMA membuat pembetulan kepada akaun-akaun 2018 mereka.

Laporan kewangan LTAT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dimuktamadkan pada akhir bulan September 2019. LTAT telah membuat pengumuman pencapaian kewangan tahun 2018 pada 30 September 2019, serta mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 2%.

Boustead Holdings Berhad iaitu anak syarikat LTAT dengan pegangan 59.45% ekuiti merupakan syarikat konglomerat yang melabur di dalam pelbagai sektor ekonomi di Malaysia. Boustead Holdings juga turut melabur di dalam Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BPM), sebuah syarikat yang menjual petrol, diesel, gas LPG (Liquefied Petroleum Gas) dan minyak pelincir secara runcit serta mengendalikan 386 stesen minyak di seluruh Malaysia. Pemegang saham syarikat BPM adalah Boustead Petroleum Sdn Bhd dengan pegangan 70% ekuiti manakala LTAT pula memegang baki 30% ekuiti.

Boustead Holdings sentiasa meninjau peluang-peluang untuk menjana keuntungan maksimum bagi memberi pulangan pelaburan yang terbaik kepada pemegang sahamnya termasuk LTAT. Pada masa ini, Lembaga Pengarah Boustead Holdings tidak bercadang untuk menjual BPM kepada mana-mana pihak.